

CNS0578

U GB 16-09 00171 BH460

aab

Mahathir-Proton

PROTON AKAN MENGELUARKAN VERSI PANJANG

(i)

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) akan mengeluarkan kereta bentuk lebih panjang tidak lama lagi untuk pasaran dalam negeri.

Menurut Perdana Menteri syarikat itu akan menambah ukuran enam inci lagi pada Proton Executive dan antara 36 inci hingga 46 inci pada Proton Limousin.

Bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan penandatanganan memorandum persefahaman antara Proton dengan Diversified Resources Berhad (DRB) di sini, beliau berkata usaha seumpama itu dilakukan bagi menambah jumlah model yang ada.

"Kita yakin kita boleh melakukan ini memandangkan Proton berupaya mereka-bentuk model baru seperti dalam hal Proton Iswara dan Proton Wira."

Mengenai rancangan memasang kereta Proton di negara-negara lain, beliau berkata, perkara itu masih dipertimbangkan bagi membolehkan kereta nasional itu lebih berdaya saing khususnya di negara-negara yang mempunyai cukai yang berbeza bagi kereta-kereta siap untuk dipasang sepenuhnya (CKD) dan kereta yang dibina sepenuhnya (CBU). - lagi.

▼16/09/21-53MST

U GB 16-09 00070 BH461

aab

Mahathir-Proton 2 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata versi hatchback yang akan dikeluarkan oleh DRB-Proton dan berada di pasaran tahun depan akan menikmati layanan istimewa yang dinikmati oleh model Proton yang lain.

Ditanya mengenai rancangan mengeluarkan kenderaan komersial, Perdana Menteri berkata ia tidak melibatkan Proton.

"Sebuah syarikat lain mungkin mengusahakan pengeluaran kenderaan komersial," katanya. - Bernama.

|| JO RS